

KEIMANAN KEPADA QADA' DAN QADAR DALAM NOVEL HAMKA

The Believe in Qada' and Qadar in Hamka's Novels

*Yuseri bin Ahmad, Marina Munira Abdul Mutalib
Universiti Sains Islam Malaysia
*yuseri@usim.edu.my

Abstrak

Artikel ini akan menjelaskan mengenai sudut pandang Hamka mengenai persoalan keimanan dengan qada' dan qadar yang terdapat dalam novel-novel Hamka. Bagi mengeluarkan pandangan beliau tentang persoalan qada' dan qadar ini penulis telah meneliti terhadap beberapa buah penulisan novel Hamka, antaranya adalah novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Di Bawah Lindungan Kaabah* dan *Terusir*. Hamka di dalam novel-novel ini telah memasukkan elemen-elemen akidah Islam yang sangat berkait rapat dengan persoalan qada' dan qadar di dalam penceritaannya melalui watak-watak yang diketengahkan mahupun melalui gaya bahasanya yang mendalam. Antara persoalan qada' dan qadar paling utama yang diterapkan dalam novel-novel ini adalah manusia tidak dapat lari dari menerima takdir hidupnya sekalipun ia pahit. Oleh itu tempat bergantung paling hakiki bagi seorang insan dalam semua situasi kehidupannya adalah Allah swt. Manakala cara untuk membolehkan seseorang dapat menerima takdir hidupnya yang pahit antaranya adalah dengan mempunyai teman yang betul akidahnya untuk menasihatinya menerima takdir itu.

Kata kunci: Hamka, akidah, qada' dan qadar, takdir

PENDAHULUAN

Karya-karya Hamka mempunyai pengaruh yang besar ke atas masyarakat melayu di Indonesia malah di seluruh Nusantara termasuklah Malaysia. Banyak buku-buku karangan beliau telah dikaji dan diulas oleh ramai pengkaji bertujuan untuk mencungkil saripati pemikiran beliau dalam sudut-sudut yang tertentu. Oleh kerana penulisan Hamka adalah dalam pelbagai bidang seperti agama, falsafah, sejarah, sastera dan sebagainya maka pemikiran beliau dalam sesuatu bidang dapat dicungkil daripada semua karya-karya yang dihasilkannya.

Pemikiran keagamaan Hamka, termasuklah pemikirannya tentang akidah tidak hanya boleh ditemui dalam karya-karya ilmiah beliau sahaja, malah juga boleh ditemui dalam karya-karya novel beliau. Karya-karya novel hebat Hamka seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk*, *Di Bawah Lindungan Kaabah*, *Terusir* dan banyak lagi novel lain, sebenarnya sarat dengan elemen-elemen akidah yang mengajar manusia untuk mengenal dirinya dan seterusnya mengenal Penciptanya. Persoalan berkaitan qada' dan qadar atau taqdir merupakan salah satu elemen yang banyak dimuatkan dalam ketiga-tiga judul novel di atas.

RIWAYAT HIDUP HAMKA

Nama sebenar beliau ialah Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). Dilahirkan di Sungai Batang, Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia pada 17 Februari 1908. Ayahnya ialah ulama' Islam terkenal Dr. Haji Abdul Karim Amrullah atau dikenali sebagai Haji Rasul, pembawa fahaman-fahaman pembaharuan Islam di Minangkabau. (Hamka, 2017: hal xxiii)

Hamka mulai bersekolah pada usia tujuh tahun di sekolah dasar di Padang Panjang. Konon, kerana nakalnya, dia tidak tamat dari sekolah itu. Akan tetapi, dia mendapat pelajaran agama dan mengaji. Dalam tempoh tujuh tahun (1916—1923) Hamka berjaya menamatkan pendidikan agamanya dari dua tempat, iaitu Diniyah School dan Sumatera Thawalib (milik ayahnya). (<https://sites.google.com/site/sastrawanindonesia/home/hamka-ulama-dan-sastrawan>)

Jolokan Buya atau Ayah diperolehi ketika hayatnya, iaitu panggilan penghormatan masyarakat Minangkabau yang berasal daripada bahasa Arab. Sebagai anak kepada pejuang Islam, HAMKA lebih berketrampilan dan terkenal sebagai pendakwah Islam yang berkarisma tinggi sehinggakan pidatonya sering mendapat perhatian. Beliau juga adalah aktivis politik dan penulis terkenal di Alam Melayu termasuk Malaysia dan Singapura.

Hamka adalah seorang otodidak dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan, seperti falsafah, sastera, sejarah, sosiologi dan politik, baik Islam maupun Barat. Dengan kemahirannya berbahasa Arab, ia dapat meneliti karya ulama dan pujangga besar di Timur Tengah, seperti Zaki Mubarak, Jurji Zaidan, Abbas al-Aqqad, Mustafa al-Manfaluti, dan Hussain Haikal. Melalui kemampuannya berbahasa Arab itu juga, ia meneliti karya sastrawan Perancis, Inggeris, dan Jerman, seperti Albert Camus, William James, Sigmund Freud, Arnold Toynbee, Jean Paul Sartre, Karl Marx, dan Pierre Loti. Hamka merupakan salah satu orang Indonesia yang paling banyak menulis dan menerbitkan buku. Oleh kerana itu, beliau diberi jolokan sebagai Hamzah Fansuri di era modern. (<https://sites.google.com/site/sastrawanindonesia/home/hamka-ulama-dan-sastrawan>)

Hamka bukan sekadar pengarang, beliau juga seorang aktivis sosial yang bertunjangan cara hidup Islam. Beliau beberapa kali duduk sebagai pengurus pimpinan Muhammadiyah. Malah, beliau juga pernah menduduki Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) dan memenangi Pilihanraya 1955. Pada tahun 1959, Universiti Al-Azhar, Mesir telah memberi gelar Doctor Honoris Causa, kerana dianggap sebagai salah seorang ulama terbesar di Indonesia. Universiti Kebangsaan Malaysia telah juga menganugerahkan Doktor Falsafah Kehormat pada tahun 1974. (Abd Rahman Abd Aziz, 2009: hal 125)

Hamka meninggal dunia pada tanggal 24 Julai 1981, dalam usia 73 tahun, dan dikebumikan di Tanah Kusir, Jakarta Selatan.

MAKSUD QADA' DAN QADAR

Beriman dengan qada' dan qadar adalah salah satu daripada rukun iman. Dalam hadis Jibril yang masyhur itu bahawa baginda nabi saw ditanya oleh Malaikat Jibril berkenaan iman, lalu baginda menjawab “Kamu percaya kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, Hari Akhirat, dan kamu percaya dengan takdir yang baik dan yang buruk”

Qadar bermaksud Allah swt mengetahui sesuatu perkara itu, kadarnya, masanya, sifatnya dan keadaannya yang akan terjadi, sebelum ianya benar-benar terjadi. Firman Allah swt:

إنا كل شيء خلقناه بقدر

Terjemahannya: Sesungguhnya Kami menciptakan setiap sesuatu dengan takdir. (Al-Quran, Al-Qamar: 49)

Maka semua yang telah berlaku atau yang akan berlaku, ianya telah diketahui oleh Allah swt sebelum perkara itu terjadi.

Manakala qada' pula bermaksud Allah swt sejak dari Azali lagi menghendaki sesuatu perkara itu terjadi dalam bentuk seperti mana yang berlaku dalam kewujudan ini. Namun kebanyakan orang mengungkapkan istilah qada' dan qadar ini dengan satu makna sahaja iaitu: Kehendak Allah swt menjadikan sesuatu dalam keadaan tertentu, kemudian Dia benar-benar menjadikannya menurut seperti kehendakNya itu. (Nuh Ali Salman, 2018: hal 105,106)

Menurut para ulama', takdir itu mempunyai empat tahap;

1. Kita percaya bahawa Allah swt mengetahui segala sesuatu dengan ilmuNya sejak azali lagi.

2. Kita percaya bahawa Allah swt telah menulis di Luh Mahfuz segala yang berlaku di alam ini hingga hari kiamat.
3. Kita percaya bahawa Allah swt telah berkehendak akan segala sesuatu yang berlaku di langit dan bumi ini, tiada berlaku sesuatu perkara melainkan dengan kehendakNya.
4. Kita percaya bahawa Allahlah yang menciptakan segala kejadian, tiada yang dapat mencipta selain Dia. Beriman kepada takdir yang merangkumi empat perkara inilah yang dipegang oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah. (Syamsul Bahri, 2011: hal 99,100)

Daripada penjelasan di atas dapat difahami secara menyeluruh bahawa beriman dengan qada' dan qadar, atau lebih kerap disebut sebagai takdir bermaksud segala benda, perkara atau kejadian yang berlaku dalam hidup manusia ini semuanya telah ditetapkan oleh Allah swt sebelum perkara itu berlaku lagi. Oleh itu, ungkapan yang sering disebut dalam masyarakat melayu dalam menggambarkan qada' dan qadar ini seperti, *takdir, nasib, dalam ilmuNya, sudah tertulis, sudah ditetapkan, sudah kehendakNya, ketentuanNya*, dan lain-lain lagi adalah ungkapan yang betul dalam membicarakan persoalan qada' dan qadar. Malah dalam percakapan harian kita lebih sering menggunakan kalimah takdir berbanding qada' dan qadar. Justeru ungkapan-ungkapan seperti di atas adalah tidak bersalahan dengan fahaman ahli sunnah wal jamaah dalam memahami makna qada' dan qadar. Malah ungkapan-ungkapan seperti di atas tadi yang akan kita temui dalam perbincangan dalam novel Hamka ini.

SINOPSIS RINGKAS KETIGA-TIGA NOVEL YANG DIKAJI

Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk (TKVDW)*, *Di Bawah Lindungan Kaabah (DBLK)*, dan *Terusir*, ketiga-tiganya membawa tema utama iaitu kesedihan. Kesedihan yang berpunca dari hajat besar yang diinginkan tidak kesampaian disebabkan halangan-halangan tertentu yang sememangnya sudah ditakdirkan oleh Allah swt. Kesedihan mendalam itu membuatkan watak utama dalam novel-novel ini berusaha mencari jalan keluar dari kemelut perasaan itu.

Novel TKVDW dan DBLK adalah novel cinta. Percintaan watak utama (Zainudin dengan Hayati dalam TKVDW, dan Hamid dengan Zainab dalam DBLK) adalah percintaan yang terhalang disebabkan faktor keluarga dan adat keturunan. Akhirnya mereka terpisah dari pasangan masing-masing dan membawa diri ke tempat lain untuk memulihkan perasaan sedih itu. Namun apabila keadaan seakan-akan memungkinkan mereka mencapai hajat yang diidamkan sekian lama itu, takdir Ilahi menetapkan kematian lebih dahulu mendatangi kesemua mereka. Dalam kedua-dua novel ini Hamka membawakan tema cinta muda- muda yang menjaga batas agama dengan baik.

Manakala novel *Terusir* pula adalah kisah kehidupan kegagalan rumahtangga yang sering berlaku dalam masyarakat. Watak utama, Mariah seorang isteri yang baik, dicerai suami atas sebab fitnah dari ibu mertua Mariah sendiri. Suami Mariah tanpa menyelidiki tuduhan terus sahaja mengusir Mariah dari rumahnya dan terpaksa berpisah dengan anak kecilnya. Kemudiannya hidup menumpang di rumah orang, dihalau lagi, kemudian menjadi orang gaji orang kaya, tapi majikannya pula pulang ke negara asal, berkahwin pula sekali lagi tapi ternyata suaminya lelaki jahat, dicerai juga akhirnya dan akhirnya akibat kesempitan hidup, Mariah terlibat dengan dunia pelacuran untuk mencari sesuap nasi. Di hujung usianya dia bertaubat, dan ditakdirkan dapat bertemu semula dengan anaknya yang sudah berjaya, tetapi terpaksa dirahsiakan dia ibunya demi menjaga nama baik anak. Akhirnya kematian juga ditakdirkan untuknya dan anaknya tahu itu ibunya hanya setelah kematiannya.

Takdir sedih demi sedih dalam novel-novel ini begitu ketara dipersembahkan oleh Hamka dalam plot penceritaannya, ditambah pula dengan dialog-dialog yang banyak sekali dituturkan oleh watak-watak dalam novel ini yang mempunyai kaitan dengan persoalan takdir.

PERBINCANGAN MENGENAI TAKDIR DALAM KETIGA-TIGA NOVEL

Setelah membaca ketiga-tiga novel ini penulis mendapati bahawa Hamka di dalam penulisan novel ini memasukkan elemen akidah yang berkaitan dengan takdir begitu banyak sekali. Berikut adalah kesimpulan yang penulis dapat rumuskan dari pengamatan terhadap novel-novel tersebut.

a) Memasukkan Perkataan Takdir Atau Seumpama Dengan Maksudnya Ke Dalam Dialog Dan Ayat Penceritaan.

Berikut adalah contoh dialog dan ayat penceritaan tersebut:

- 1- “Apalah pertolongan yang akan dapat kuberikan. Dia meminta budi kepadaku, aku hanya Tuhan *takdirkan* menjadi perempuan, jenis yg lemah. Tidak ada kepandaianku, hanyalah menangis”.
(monolog hayati ketika bermunajat pada Allah) (TKVDW, ms 47)
- 2- Dia telah *ditakdirkan* tuhan buat bersengsara, dia akan melalui takdir itu sampai tuhan sendiri pula membukakannya, iaitu dengan kafan dan perkuburan. (nasib malang hayati kerana suaminya berperangai jahat) (TKVDW, ms 224)
- 3- Tetapi cita2 manusia tidak dapat melawan kehendak *takdir*. (TKVDW, ms 274)
- 4- “Memang anak...cinta itu ‘adil’ sifatnya. Allah telah *mentakdirkan* dia dlm keadilan, tidak memperbeda-bedakan di antara raja-raja dengan orang meminta-minta, tiada menyisihkan orang kaya dengan orang miskin, orang hina dengan orang mulia, bahkan kadang-kadang tiada juga berbeza baginya antara bangsa dengan bangsa...” (dialog ibu Hamid kepada hamid) (DBLK, ms 33)
- 5- “buat diriku sendiri, Tuhan telah *mentakdirkan* berlain dari orang. Kedukaan tumbuh di antara dua rumpun kedukaan pula. Dahulu saya telah berduka, sekarang berdukacita, dan kelak agaknya akan terus berluka hati” (dialog Zainab kpd Rosna, Ketika menceritakan perihal kesedihan hatinya, kerana hamid hilang entah ke mana) (DBLK, ms 59)
- 6- Rupanya dengan *takdir* Tuhan, kamipun bertemu di Tanah Suci ini, pertemuan yang tiada di sangka-sangka sedikit jua. (hamid bercerita kepada sahabatnya tentang pertemuannya dgn sahabat lamanya masa sekolah dulu iaitu saleh) (DBLK, ms 69)
- 7- “Ya, tetapi rupanya *takdir* Allah berbeza dari apa yang kita perkirakan”.
“Tidak Azhar, *takdir* itu melalui sebab dan akibat. Suatu *takdir* tidak datang secara tiba-tiba, tetapi ada garis yang dilaluinya. *Takdir* yang ada sekarang ini (maksudnya perkara yg berlaku antara azhar dan maria) menurut pikiranku adalah buatan manusia. Yang benci kepada Maria, yang dapat mencuri hatimu...
(dialog antara haji halim dan azhar) (Terusir, ms13)

- 8- Ya, tetapi kehendak Yang Maha Kuasa atas diri manusia berbeda dgn kehendak manusia itu sendiri. Zainudin telah jemu di Minangkabau dan dia tidak akan jemu lagi, kerana tarikh penghidupan manusia bukan manusia membuatnya, dia hanya menjalani *yang tertulis*. (TKVDW, ms 27)
- 9- Terimalah ini, perkenankanlah seruan dari hati yang daif, hati seorang makhluk yang dari *masa dalam kandungan ibu* telah ditunggu oleh rantai yg bertali-tali dari kemalangan (surat zainudin pada hayati). (TKVDW, ms 45)
- 10- Tuhan telah memberi kita kesanggupan mengembara di dalam lapangan yanag luas itu. Maka jika kita beruntung, dan Allah memberi izin kita hidup sebagai suami isteri, adalah surat-surat itu untuk mematrikan cinta kita, jadi pengobat batin di dalam mendidik anak-anak. Tetapi kalau kiranya pertemuan nasib dan hidup kita tidak beroleh keizinan tuhan *sejak dari azaliNya*, adalah pula surat-surat itu akan jadi peringatan dari dua orang bersahabat atas ketulusan mereka menghadapi cinta, tidak terlangkah kepada kejahatan dan tidak melanggar peri kesopanan. (surat zainudin pada hayati) (TKVDW, ms 58)
- 11- Kelak tuan akan merasai sendiri bahawa hidup yang begini telah *dipilihkan Allah* buat kebahagiaan tuan. Allah telah sediakan hidup yg lebih beruntung dan lebih murni untuk kemaslahatan tuan di belakang hari. (surat hayati kepada zainudin – ayat pujukan supaya zainudin dapat terima kenyataan mereka tak dapat hidup bersama) (TKVDW, ms 176-177)
- 12- “Hentikanlah segala permenungan ini, guru muda. Sebab segala yang kejadian itu telah berlalu masanya, apa yang *telah tertentu* sejak dalam Rahim bunda tak dapatlah makhluk mengelakkan”. (dialog muluk pada zainudin- beri nasihat supaya bangkit dari kecewa berpisah dengan hayati) (TKVDW, ms 191)
- 13- “...orang yang tamak dan loba, yang senantiasa merasa belum cukup dengan apa yang telah ada dalam tangannya, selalu menyesal, mengomel, padahal yang akan didapatnya tidak akan lebih daripada *yang telah ditentukan* Allah dalam kodratNya.” (dialog muluk pada zainudin ketika memberi nasihat) (TKVDW, ms 194)
- 14- Manusia tidak dapat *menentukan nasibnya* sendiri! (ungkapan dari pengarang selepas menceritakan hal hamid yang baru dapat tahu bahawa Zainab juga mencintainya, namun berita itu sudah terlambat kerana Zainab pada ketika itu sudah sakit kuat yang akhirnya membawa kepada kematiannya) (DBLK, ms 76)
- 15- “tenangkanlah hatimu, sahabat”. Kata saleh. “*kehendak Allah* telah berlaku. Ia telah memanggil orang yang dicintai-Nya ke hadirat-Nya”. (dialog saleh kepada hamid...) (DBLK, ms 80)

Ayat-ayat dan dialog seperti di atas menunjukkan Hamka sengaja memperbanyakkannya supaya manusia sentiasa ingat bahawa kehidupan kita ini semuanya telah ditakdirkan berlakunya dengan kehendak Allah swt supaya kita bersedia menghadapi hal-hal yang kita tidak ingini dalam hidup ini.

b) Menjelaskan Kefahaman Tentang Maksud Takdir Yang Sebenar

Contoh dalam hal ini ialah perbualan yang berlaku antara Azhar dan sahabatnya Haji Halim.

“Ya, tetapi rupanya takdir Allah berbeda dari apa yang kita perkirakan”. (dialog Azhar)

“Tidak Azhar, takdir itu melalui sebab dan akibat. Suatu takdir tidak datang secara tiba-tiba, tetapi ada garis yang dilaluinya. Takdir yang ada sekarang ini (maksudnya perkara yg berlaku antara azhar dan maria) menurut pikiranku adalah buatan manusia. Yang benci kepada Maria, yang dapat mencuri hatimu... (dialog Haji Halim) (Terusir, ms13)

Hamka di dalam dialog seperti ini menerangkan maksud takdir yang betul, iaitu sesuatu yang terjadi itu ada sebab musababnya, ia bukan terjadi secara tiba-tiba. Dengan penerangan ini dapat membetulkan salah faham orang ramai terhadap persoalan takdir, kerana ramai orang suka menyalahkan takdir apabila sesuatu yang tak baik berlaku pada diri mereka.

c) Mengingatkan Manusia Bahawa Mereka Tidak Dapat Lari Dari Takdir Allah.

Perkara ini dapat ditemui menerusi kenyataan berikut:

1. Pada suatu hari perkara yang selama ini sangat dielakkan oleh Maria supaya jangan berlaku, kerana sudah nasib akhirnya berlaku juga. Perkara itu ialah perselisihan dan pertengkaran mulut dengan isteri pakciknyanya itu. (mariah sangat bimbang kalau dia akan dituduh yang bukan-bukan oleh isteri pakciknyanya, dan kebimbangan itu menjadi kenyataan) (Terusir, ms 24).
2. Sulit sekali memulai pembicaraan itu, sulit menyuruh seseorang mengerjakan suatu pekerjaan yang berat hatinya melakukan, pekerjaan yang berlawanan dengan kehendak hatinya sendiri. Tetapi di balik itu sebagai seorang anak muda yang telah dicurahi orang kepercayaan dengan sepenuh-penuhnya, akhirnya hati saya dapat juga saya bulatkan dan saya mulailah berkata, “ Begini Zainab,...(bicara hati hamid ketika diminta oleh ibu Zainab memujuk Zainab berkahwin dengan lelaki lain) (DBLK, ms 46) – Sekalipun berat hati terhadap suatu takdir, tapi perlu diterima juga sebab takdir itu datang dari Allah.
3. “Asal saya tahu kau cinta, saya tak harapkan apa-apa sesudah itu, kita tak akan melanggar perintah Ilahi. Tetapi kalau kau memang tak merasa terhadap diriku sebagai yang kurasa, kau tak cinta kepadaku, nyatakanlah itu dengan terus terang, sebagai pernyataan seorang sahabat kepada sahabatnya. Kalau keputusan itu yang kau berikan, walaupun mukaku akan hitam menghadapimu di sini, lantaran malu, saya akan tahan, saya sudah biasa tahan tergiling dari kecilku”. (dialog zainudin kepada hayati) (TKVDW, ms 61)
4. Rupanya Allah masih mengizinkan dia (zainudin) hidup, padahal sudah berapa kali di dalam sakitnya dia meminta mati. Tetapi rupanya dia masih berguna, lapangan buat berjuang dalam alam dunia ini masih luas. (TKVDW, ms 189)
5. Di belakang kita berdiri satu tugu yang bernama nasib, di sana telah tertulis rol yang akan kita jalani. Meskipun bagaimana kita mengelak dari ketentuan yang tersebut dalam nasib itu, tiadalah dapat, tetapi harus patuh kepada perintahnya. (ungkapan pengarang sendiri) (TKVDW, ms 205)

Hamka menerusi pernyataan-pernyataan di atas mengingatkan bahawa sekuat mana kita cuba lari dari menerima takdir, tidak akan berjaya kerana ia datang dari Allah, justeru perkara terbaik yang mesti dilakukan adalah membuka pintu hati untuk merasa reda dengan takdir tersebut.

d) Perlu Ada Usaha Bersungguh-sungguh Untuk Mencari Penyelesai Dalam Menghadapi Takdir yang Berat.

Zainudin dalam TKVDW dan Hamid dalam DBLK, kedua-duanya bertekad untuk berhijrah ke tempat lain sebagai suatu usaha untuk mengubat kesedihan hati mereka, sekalipun berhijrah itu juga suatu yang berat juga untuk dilakukan. Perhatikan dialog di bawah:

1. “Mulai waktu ini saya akan berusaha memperbaiki jalan pikiran saya kembali. Saya tidak akan mengingat dia lagi, saya akan melupakan dia! Adapun kesakitan yang mengenai hati, moga-moga dapatlah disembuhkan tuhan dengan berangsur. Tetapi...”
 “Tetapi apa lagi” tanya Muluk.
 “Saya sudah pikirkan bahawa yang lebih maslahat bagi diri saya dan bagi perjuangan yang akan ditempuh di zaman depan, saya terpaksa pindah dari kota Padang Panjang. Saya hendak ke Tanah Jawa. Di tanah Jawa nasihat Bang Muluk itu lebih mudah dijalankan daripada di sini. Lagi pula kalau Padang Panjang kelihatan juga, pikiran yang lama-lama timbul-timbul juga”. (dialog antara zainudin dengan muluk) (TKVDW, ms 198) – perlu ada usaha utk dpt melalui takdir yg berat, tak boleh hanya berserah saja tanpa berbuat apa2.
2. “Memang, mula-mula hati itu mesti berguncang. Bukankah lonceng-lonceng di rumah juga berbunyi keras dan berdengung jika kena pukul? Tetapi akhirnya, dari sedikit ke sedikit, dengung itu akan berhenti jua. Cuma saja saya mesti berikhtiar supaya luka-luka yang hebat itu jangan mendalam Kembali, saya mesti berusaha, supaya ia berangsur sembuh. Untuk itu saya mengambil keputusan, saya mesti meninggalkan kota Padang, terpaksa tak melihat wajah Zainab lagi, saya berjalan jauh. (hamid bercerita tentang dirinya kepada sahabatnya ketika berada di Mekah) (DBLK, ms 50)
3. “Siapakah yang dapat menentukan hidup mati orang?” jawab jururawat itu pula. “Bukankah kita hanya berusaha?” (dialog jururawat kepada zainudin) (TKVDW, ms 280)

Dalam hal usaha ini, jelas sekali Hamka mahu memberitahu bahawa beriman dengan qada' dan qadar tidak menafikan usaha hamba, kerana inilah iktikad yang dipegang oleh ahli sunnah wal jamaah. Ini membezakan ahli sunnah dengan iktikad Jabariyah yang hanya berserah nasib tanpa usaha. Malahan usaha yang mesti dilakukan itu perlulah bersungguh-sungguh dengan hati yang tekad dan bergantung sepenuhnya kepada Allah swt.

e) Perlu Ada Seseorang Menjadi Pembimbing Dalam Menerima Takdir.

Zainudin dalam TKVDW dan Zainab dalam DBLK, kedua-duanya mempunyai pendidikan agama yang tinggi. Namun ilmu sahaja tidak mencukupi untuk membolehkan mereka bangkit dari siksa batin yang ditanggung. Tetapi melalui teman baik yang membimbing tangan amat membantu dalam usaha menerima takdir Ilahi. Dialog mereka seperti berikut;

1. Dalam sekali nasihat-nasihat yang diberikan oleh muluk, tercengang zainudin memikirkan, tidak disangkanya bahawa temannya itu, yang pada lahir dicap seorang parewa, tetapi pada batinnya seorang guru yang telah banyak sekali meminum air hidup. Sehingga di dalam muluk berkata-kata itu, teringatlah di hati zainudin bahawa selama ini belum ada dia beroleh seorang sahabat tempat menumpahkan perasaan hati, yang serupa dengan muluk itu. (monolog hati zainudin terhadap muluk) (TKVDW, ms 197)
2. “Sudahlah, Zainab, ditimpa oleh penyakit, lain. Ceritakanlah kepada saya hal yang engkau rahasiakan itu, mudah-mudahan kerana sudah ada tempat menerangkannya tanggungan itu bisa ringan sedikit,

sebab beban untuk sendiri sudah dibagi dua”. (dialog Rosna kpd Zainab minta Zainab berkongsi masalah dengannya...akhirnya Zainab meluahkan segalanya) (DBLK, ms 60)

Di sini Hamka mengajar kita tentang perlunya kepada seseorang yang boleh membantu kita untuk menerima takdir yang berat dalam hidup, tak boleh seseorang itu dibiarkan sendiri menyelesaikan masalahnya sekalipun dia orang berilmu. Justeru manusia berhajat kepada pembimbing dalam usaha untuk menerima takdir hidupnya supaya dapat dibangkitkan iman, emosi dan motivasi.

f) Jika Allah mentakdirkan keselamatan untuk seseorang, tiada siapa boleh memudaratkannya.

Hamka mengingatkan juga tentang perkara ini, iaitu tiada sesiapa boleh memudaratkan sesiapa melainkan dengan izinNya sahaja. Justeru kalau Allah sudah menetapkan keselamatan bagi seseorang maka segala usaha manusia untuk mendatangkan mudarat kepadanya tidak akan berlaku. Hamka membawakan perihal Wirja tentang hal ini dalam novel Terusir.

Semuanya mengucapkan selamat dan bahagia. Yang tidak kelihatan dalam kumpulan orang banyak itu hanya seorang saja, yaitu Wirja. Kerana sebelum ujian, sudah segala macam usaha dilakukannya supaya anak muda (sofyan) itu gagal dalam ujian, tetapi segenap pintu tertutup.

(wirja telah berusaha bermacam cara untuk membuat sofyan gagal dalam pelajaran, namun sofyan tetap berjaya juga) (Terusir, ms 58)

Hakikat ini bertepatan dengan firman Allah swt:

قل لن يصيبنا إلا ما كتب الله لنا..

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad), tidak akan menimpa kami mudarat, melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah untuk kami. (Al-Quran, Al-Taubah: 51)

g) Sifat Adil Allah Dalam Menentukan Takdir Manusia.

Perkara ini boleh didapati dari petikan dialog berikut:

1. Dia masih hidup, dan masih sanggup tegak. Dia akan tunjukkan di hadapannya dan di hadapan suaminya bahawa jika maksudnya terhalang di sini, pada pasal lain dia tidak terhalang. Guru sendiri yang mengajarkan kepada saya, dan sekarang saya kembalikan kepada Guru, bahawa banyak orang besar-besar yang kalah dalam percintaan, lantaran kekalahan itu dia ambil jalan lain, dia maju dalam politik, dalam mengarang syair, dalam mengarang buku, dalam perjuangan hidup, sehingga dia naik ke atas puncak yang tinggi... (dialog muluk pada zainudin sewaktu memberi nasihat) – (TKVDW, ms 197).

Di sini Hamka ingin menunjukkan sifat adil Allah swt dalam menentukan takdir hidup seseorang iaitu apabila Allah tidak mengizinkan sesuatu terjadi, tidak bermakna Allah tidak mengizinkan sesuatu yang lain pula untuknya, malahan sudah kerap kali kisah dalam masyarakat yang kita dengar seseorang yang gagal dalam satu bab, tetapi dia berjaya pula dalam bab yang lain. Seperti halnya yang terjadi kepada zainudin yang kecewa dalam percintaan, tetapi akhirnya dia berjaya pula dalam kariernya sebagai pengarang buku ternama.

h) Cara Beriman Dengan Qada' dan Qadar Adalah Melalui Pengalaman Sendiri.

Bagi penulis, inilah intisari paling utama dalam kertas kerja ini. Iaitu Hamka ingin mengajar masyarakatnya bagaimana caranya beriman dengan taqdir Allah - Iaitu dengan cara merasai sendiri pengalaman pahit dalam hidup. Memahami qada' dan qadar tidak memadai dengan hanya memahami ilmu itu dari kitab-kitab. Kerana kalau seseorang itu memahaminya dengan baik sekalipun apa yang dibahaskan dalam kitab tentang persoalan takdir, ia hanya sekadar berada pada tahap akal, sedangkan keimanan hakiki terhadap qada' dan qadar adalah ia sepatutnya meresap ke dalam hati. Justeru, pengalaman sendiri dalam menghadapi takdir hidup yang berat adalah cara terbaik untuk menjiwai makna takdir. Namun, tidak semua orang diuji dengan takdir hidup yang berat, lalu bagaimana dia dapat menjiwai makna takdir ini ? Jawapannya adalah dengan mendengar kisah

penderitaan orang lain. Jika tiada orang yang dikenalnya yang berada dalam situasi itu, maka dia masih boleh mencari kisah-kisah tauladan itu yang dihidangkan dalam bentuk novel seperti yang dilakukan oleh Hamka ini. Sekalipun kisah-kisah dalam novel-novel ini hanya cerita rekaan, tetapi kekuatan daya kepengarangan Hamka itu mampu memberi kesan yang lebih mendalam daripada hanya sekadar memahami konsep takdir pada tahap akal semata-mata. Ketiga-tiga novel yang dikaji ini, mempunyai plot penceritaan yang sangat berkesan menyentuh hati pembaca, seolah-olah peristiwa-peristiwa yang terjadi kepada watak-watak utamanya adalah terkena kepada pembaca sendiri.

KESIMPULAN

- 1- Hamka menggunakan kekuatan ilmu, plot penceritaan, ketinggian bahasa, pemilihan perkataan dan ayat-ayat puitis bagi menyampaikan mesej berkaitan dengan keimanan kepada qada' dan qadar yang meninggalkan kesan mendalam terhadap pemantapan akidah pembaca.
- 2- Penulis percaya tujuan beliau memasukkan elemen keimanan kepada qada' dan qadar ini dalam novelnya adalah sebagai suatu bentuk pendidikan kepada masyarakatnya tentang konsep beriman dengan qada' dan qadar menerusi wadah kesusasteraan, iaitu suatu wadah yang berlainan dari kebiasaan para ulama' mengajar tentang bab qada' dan qadar. Ini kerana qada' dan qadar adalah suatu bab yang paling sukar untuk difahami pada hakikatnya yang sebenar. Kerana itu Rasulullah saw ada bersabda :

وإذا ذكر القدر فأمسكوا

Terjemahan : Dan apabila disebut tentang takdir, maka hendaklah kamu tahan. (Riwayat Al-Tabrani dalam Al-Kabir) Hadis ini bermaksud hendaklah kita jangan cuba untuk bercakap tentang takdir terlalu mendalam, kerana ia adalah rahsia Allah swt terhadap makhlukNya kerana dibimbangi banyak kesilapan dalam percakapan itu.

Justeru apa yang terbaik dalam bab beriman dengan qada' dan qadar adalah, berusaha untuk belajar menerima takdir dengan hati yang penuh reda dan sabar atas ujian. Oleh itu sumbangan Hamka di dalam novel-novel ini adalah besar di dalam mendidik masyarakatnya berkaitan persoalan takdir.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2009). Nilai Mencapai Kehidupan Sejahtera: Pandangan Hamka. *MALIM* Bil. 10. Jurnalarticle.ukm.my.
- Andi Galigo, Syamsul Bahri. (2011). *Muhadarat Fi al-Aqidah al-Islamiyyah*. Universiti Sains Islam Malaysia. Bandar Baru Nilai.
- Hamka. (2015). *Di Bawah Lindungan Ka'bah*. PTS Publishing House Sdn Bhd. Batu Caves.
- Hamka. (2015). *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. PTS Publishing House Sdn Bhd. Batu Caves.
- Hamka. (2016). *Terusir*. Gema Insani. Jakarta
- Hamka. (2017). *Tasawuf Moden*. PTS Publishing House Sdn Bhd. Batu Caves.
- Nuh Ali Salman. 2018. *Al-Mukhtasar al-Mufid Fi Syarh Jawharat al-Tauhid*. Muassasah Al-Bayan. Kuala Lumpur
- <https://sites.google.com/site/sastrawanindonesia/home/hamka-ulama-dan-sastrawan>